

SERANTA AWAM ATAS TALIAN BIL 2/2026

**CADANGAN PINDAAN
PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PPM) 1985**

1. Cadangan memasukkan akuan fungsi *Lactobacillus casei strain Shirota (L.casei shirota)* di dalam Daftar IV Jadual Kelima A bagi Peraturan 18F

JADUAL KELIMA A DAFTAR IV SYARAT-SYARAT BAGI AKUAN FUNGSI LAIN			
Komponen	Akuan	Jumlah Minimum yang Diperlukan	Syarat-Syarat
<u>L.casei Shirota</u>	<u>L.casei Shirota membantu menyokong tindak balas imun</u>	<u>1.3 x 10¹⁰ cfu sel hidup bagi setiap hidangan</u>	<u>Tiada</u>

2. Cadangan untuk memasukkan nutrien pilihan 2-fukosillaktosa (2-FL) bagi Peraturan 91B, 389 dan 389A:

- i. Daftar II, Jadual ke-16AA (Ramuan Pilihan Susu Tepung Rumusan Untuk Kanak-Kanak)

JADUAL KEENAM BELAS AA DAFTAR II RAMUAN PILIHAN DALAM SUSU TEPUNG RUMUSAN UNTUK KANAK-KANAK	
(1) Ramuan pilihan	(2) Paras Maksimum
<u>2'-fukosillaktosa (2'-FL)</u>	<u>240mg bagi setiap 100ml</u>

- ii. Daftar IA, Jadual ke-21 (Ramuan Pilihan Rumusan Bayi)

JADUAL KEDUA PULUH SATU DAFTAR IA RAMUAN PILIHAN DALAM RUMUSAN BAYI	
(1) Ramuan pilihan	(2) Paras Maksimum
<u>2'-fukosillaktosa (2'-FL)</u>	<u>240mg bagi setiap 100ml</u>

iii. Daftar III, Jadual ke-21A (Ramuan Pilihan Rumusan Susulan)

JADUAL KEDUA PULUH SATU A DAFTAR III RAMUAN PILIHAN DALAM RUMUSAN SUSULAN	
(1) Ramuan pilihan	(2) Paras Maksimum
<u>2'-fukosillaktosa (2'-FL)</u>	<u>240mg bagi setiap 100ml</u>

3. Cadangan memasukkan peraturan baharu 18BA. Pelabelan penggredan kandungan gula, Daftar VI dan Daftar VII Jadual Kelima A

18BA. Pelabelan penggredan kandungan gula

- (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, “pelabelan penggredan kandungan gula”, berhubung dengan suatu bungkusan makanan, ertinya perihalan maklumat tambahan bagi pelabelan pemakanan untuk memberitahu pengguna tentang penggredan kandungan gula bagi sesuatu minuman.
- (2) Pelabelan penggredan kandungan gula hendaklah diperuntukkan bagi semua bungkusan minuman yang sedia diminum atau berbentuk serbuk, pekatan, bes atau pracampur sama ada yang sedia diminum atau yang memerlukan bancuhan.
- (3) Subperaturan (2) tidak terpakai bagi mana-mana bungkusan minuman beralkohol, air mineral semulajadi, air minuman berbungkus dan makanan yang standardnya ditetapkan dalam Peraturan 388 hingga 393A.
- (4) Pelabelan penggredan kandungan gula hendaklah mematuhi kehendak di bawah Daftar VI kepada Jadual Kelima A.
- (5) Bagi maksud subperaturan (4) peraturan ini, penentuan pelabelan penggredan kandungan gula adalah tidak termasuk laktosa dan galaktosa yang hadir secara semula jadi atau ditambah. Jika terdapat laktosa atau galaktosa, maka hendaklah dinyatakan dalam pelabelan pemakanan.
- (6) Maka hendaklah dituliskan pada label bagi bungkusan minuman pelabelan penggredan kandungan gula
 - a. yang sedia diminum tentang suatu pernyataan kandungan gula bagi setiap 100ml; atau
 - b. berbentuk serbuk, pekatan atau bes, suatu pernyataan tentang kandungan gula bagi setiap 100ml dalam bentuk sedia diminum apabila disediakan menurut arahan pada label.

- (7) Bagi maksud peraturan ini, suatu tanda pelabelan penggredan kandungan gula hendaklah mudah dilihat dan jelas pada panel pameran utama bungkusan minuman sebagaimana dinyatakan dalam Daftar VII kepada Jadual Kelima A.

JADUAL KELIMA A
DAFTAR VI
Peraturan 18BA

SYARAT-SYARAT PELABELAN PENGGREDAN KANDUNGAN GULA


Gred	Syarat-syarat
A ¹	Tidak lebih atau sama dengan 1.0g bagi setiap 100ml
B	Lebih daripada 1.0g hingga 5.0g bagi setiap 100ml
C	Lebih daripada 5.0g hingga 10.0g bagi setiap 100ml
D	Melebihi 10.0g bagi setiap 100ml

¹Jika kandungan gula dalam kategori gred A tetapi mengandungi bahan pemanis selain gula, maka minuman tersebut akan diklasifikasi sebagai gred B.

DAFTAR VII

1. Spesifikasi tanda pelabelan penggredan kandungan gula sama ada mendatar atau menegak





2. Spesifikasi warna pada tanda pelabelan penggredan kandungan gula

Butiran	Warna
Gred A	Pantone 2423C atau CMYK 100C 25M 100Y; dan
Gred B	Pantone 375C atau CMYK 55C 100Y; dan
Gred C	Pantone 1375C atau CMYK 40M 85Y; dan
Gred D	Pantone 2035C atau CMYK 20C 100M 100Y 8K; dan
Perkataan Gred Kandungan Gula	Pantone Black C atau CMYK 100K; dan
Perkataan peratusan gula (kandungan gula)	Pantone Black C atau CMYK 100K; dan
Lakaran bentuk	Pantone Black C atau CMYK 100K